

18 OCT 2003

PENGERUSI MIC TIDAK SAMBUT DEEPAVALI TAHUN INI

KUALA LUMPUR, 18 Okt (Bernama) -- Menteri Kerja Raya yang juga Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu tidak akan mengadakan rumah terbuka sempena Deepavali tahun ini berikutan kematian adik iparnya pada 3 Jun lepas.

Deepavali disambut Khamis depan.

Mengikut adat resam Hindu, jika ada anggota keluarga yang meninggal dunia, mereka tidak akan menyambut Deepavali atau perayaan lain selama setahun mulai tarikh kematian itu.

Setiausaha akhbar menteri berkenaan, E. Sivabalan berkata rumah terbuka Deepavali juga tidak diadakan tahun ini kerana Samy Vellu akan mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melakukan lawatan rasmi ke Indonesia, Timor Leste dan Papua New Guinea dari 21 hingga 25 Okt.

Sivabalan juga berkata sesi mingguan bertemu orang ramai Selasa depan (21 Okt) bersama Samy Vellu juga dibatalkan kerana menteri berkenaan akan berlepas ke Yogyakarta, Indonesia untuk menyertai rombongan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

ES HK LAT